
Kajian Ciri Apron Bagi Kanak-Kanak Tabika Perpaduan Di Daerah Rembau: Elemen Reka Bentuk, Bahan Sesuai dan Fungsi Nilai Tambah Dalam Aktiviti Seni

Helma Binti Mohd Ali¹

¹ Unit Fesyen dan Pakaian, Kolej Komuniti Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: helma@kkrembau.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis ciri-ciri apron yang sesuai digunakan oleh kanak-kanak Tabika Perpaduan di sekitar daerah Rembau semasa menjalankan aktiviti seni seperti mewarna dan melukis. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti elemen reka bentuk, bahan yang sesuai, serta fungsi tambahan yang boleh dijadikan nilai tambah pada apron untuk meningkatkan keberkesanan penggunaannya. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini, di mana soal selidik berasaskan Google Form telah diedarkan kepada guru-guru Tabika serta ibu bapa yang terlibat secara langsung dalam pemantauan aktiviti anak-anak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa apron yang diperbuat daripada bahan fabrik kalis air, mudah dicuci, tali pengikat mudah laras dan mempunyai poket tambahan sangat digemari oleh responden. Selain itu, fungsi tambahan sepertimudah disimpan apabila tidak digunakan dan boleh dijadikan beg untuk menyimpan alat lukisan dilihat sebagai nilai tambah yang praktikal. Kajian ini diharapkan dapat menjadi asas kepada pembangunan reka bentuk apron inovatif yang bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung pakaian, malah menyokong keperluan aktiviti seni kanak-kanak secara menyeluruh.

Kata kunci: *Apron, Tabika Perpaduan, reka bentuk, aktiviti seni*

Abstract

This study was conducted to analyze the characteristics of aprons suitable for use by children in Tabika Perpaduan (Unity Kindergarten) around the Rembau district during art activities such as coloring and drawing. The main objective of the study was to identify design elements, appropriate materials, and additional functions that could add value to the apron in order to enhance its effectiveness. A quantitative approach was employed in this study, where a questionnaire based on Google Forms was distributed to Tabika teachers and parents who are directly involved in monitoring the children's activities. The findings of the study revealed that aprons made from waterproof fabric, easy to clean, with adjustable straps and additional pockets, were highly favored by the respondents. In addition, extra features such as being easy to store when not in use and being convertible into a bag for storing art tools were seen as practical value-added elements. This study is expected to serve as a foundation for the development of an innovative apron design that not only functions as clothing protection but also supports the overall needs of children's art activities.

Keywords: *Apron, Tabika Perpaduan, design, art activities*
